



*Majlis Perbandaran Selayang © 2022*

**DITERBITKAN OLEH**

**JABATAN KORPORAT**

*Majlis Perbandaran Selayang,  
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves,  
Selangor Darul Ehsan.*

*MPS tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah daripada penerbitan ini.*

*Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebagianya, bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hak cipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senasak terbitan yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Perbandaran Selayang. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk tujuan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Perbandaran Selayang.*

*Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada:*

**JABATAN KORPORAT**

*Majlis Perbandaran Selayang,  
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves,  
Selangor Darul Ehsan.*

*Tel: +603-6126 5800*

*Fax:+603-6138 8933*

*Bebas Tol: 1800-222-677*

*E-Mel: korporat@mps.gov.my*

*[www.mps.gov.my](http://www.mps.gov.my)*



— MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG —

# MOMEN

— 2021 —

M A M P A N | P R O G R E S I F | S E J A H T E R A





[mo.mén]

Definisi : (momén) waktu yg sangat singkat, saat, detik, ketika.  
(Kamus Dewan Edisi Keempat)

## LAFAZ AKUAN TERIMA JAWATAN AHLI MAJLIS PENGGAL 2021-2022

6 JANUARI 2021



**MPS** telah menerima lantikan 17 orang Ahli Majlis oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi Penggal 2021-2022. Majlis Lafaz Akuan Terima Jawatan dan sesi menandatangani dokumen pelantikan oleh Ahli Majlis ini telah disaksikan oleh Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS bersama-sama pihak pengurusan tertinggi MPS.



## *OPERASI PEMATUHAN SOP PENJAJA*

*20 JANUARI 2021*

*OPERASI pemantauan kepada peniaga dan pengunjung di pasar-pasar awam, kedai-kedai dan kiosk telah dilakukan di dalam pasar raya di Selayang. Hasil pemantauan selama 8 hari mendapati kebanyakan premis akur terhadap pematuhan SOP walaupun terdapat segelintir peniaga yang masih masih ingkar.*

*Keadaan di seluruh premis yang dilawat periksa adalah terkawal dan pengunjung mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Sepanjang tempoh itu juga, 263 premis termasuk penjaja telah diperiksa dan 21 kompaun terhadap pelbagai kesalahan selain tindakan sitaan barang niaga tanpa kebenaran turut dikenakan.*





## PEMASANGAN PAPAN TANDA AMARAN

22 JANUARI 2021

MPS telah memasang papan tanda amaran bagi menangani isu pembuangan sampah haram di beberapa hotspot di Rawang dan Bandar Baru Selayang untuk mengelakkan kegiatan ini terus berulang. Turut serta ialah YB Tuan Chua Wei Kiat, ADUN Rawang, Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS, Ahli Majlis Zon 14 dan Puan Norhayati binti Ahmad, Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan MPS.

MPS berharap dengan adanya peringatan sebegini dan pemantauan kamera litar tertutup di kawasan hotspot, ia dapat membendung kegiatan pembuangan sampah haram di kawasan pentadbiran Selayang.

## PENYERAHAN KENDERAAN MPS

22 JANUARI 2021

**MAJLIS** Penyerahan Kenderaan dan Jentera Baharu Majlis Perbandaran Selayang telah diadakan bertempat di Dataran MPS dan disempurnakan oleh Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS. Majlis turut dihadiri Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS dan Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS. 5 buah kenderaan baharu telah diserahkan terdiri daripada 2 buah kereta Proton Saga, sebuah lori tangki air, sebuah trak kitar semula dan sebuah lori arm roll Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan, Jabatan Lanskap serta Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan.



# *PERHIMPUNAN DAN AMANAT TAHUN BAHARU 2021 SECARA HYBRID*

17 FEBRUARI 2021

**SEMPENA** Tahun Baharu 2021, Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS telah menyampaikan amanat beliau kepada semua kakitangan MPS secara dalam talian. Antara pengisianya adalah memfokuskan kepada peranan seluruh warga kerja MPS terhadap penyesuaian norma baharu mendepani pandemik COVID-19. Beliau turut menekankan aspek integriti, kepantasan dan profesionalisme dalam pelaksanaan tanggungjawab terutamanya gejala-gejala rasuah, gangguan seksual, penyalahgunaan kuasa serta ketirisan amanah dan integriti ‘Bekerja Dari Rumah’ (BDR).





## SUMBANGAN KOMPUTER RIBA KEPADА SEKOLAH BANDAR BARU SELAYANG (2)

18 FEBRUARI 2021

TUAN Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS telah menyampaikan sumbangan 12 unit komputer riba kepada Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Selayang (2) bagi membantu pihak sekolah dan pelajar dalam sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sumbangan ini telah diserahkan kepada Puan Zahariah binti Bidin, Penolong Kanan Pentadbiran, SK Bandar Baru Selayang (2).

# *PROGRAM MERAIKAN MANTAN AHLI MAJLIS DAN PEMENANG CIPTA LOGO JKP*

*26 FEBRUARI 2021*

*MPS telah melancarkan Logo Jawatankuasa Penduduk (JKP) yang berobjektifkan penjenamaan semula yang akan digunakan oleh 24 zon JKP MPS. Penghasilan logo ini adalah menerusi pertandingan yang terbuka kepada penduduk di setiap zon JKP.*

*Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS secara hibrid bertempat di Dewan Keraian, Menara MPS. Hadiah pertandingan turut disampaikan kepada para pemenang. Tempat pertama telah dimenangi oleh Encik Mohd Firdhaus bin Zulkifle, JKP Zon 18 diikuti tempat kedua oleh Puan Siti Nur Rubika binti Rahim, JKP Zon 11 dan tempat ketiga oleh Encik Mohd Tarmizi bin Jusoh, JKP Zon 5.*

*Turut diadakan majlis penghargaan kepada 6 orang bekas Ahli Majlis MPS bagi sesi 2018-2020 iaitu Tuan Md. Sabri Bin Md. Taib, Tuan Ng Kok Chuan, Tuan Ng Wei Keong, Puan Anfaal bin Saari, Tuan Mohamad Kassim bin Packiry dan Tuan Saravanan A/L Muniandy.*



# *BENGKEL PEMAHAMAN DAN PELAKSANAAN ISO 37001:2016 SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH (ABMS) MPS TAHUN 2021*

8 MAC 2021



**BAGI** merangka dan merancang Pensijilan Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) 37001:2016, Bengkel Pemahaman dan Pelaksanaan ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti Rasuah telah diadakan pada 8, 9 dan 11 Mac 2021. Seramai 50 orang peserta telah diberikan pemahaman dan gambaran keseluruhan berkenaan Sistem ABMS. Bengkel yang berlangsung selama tiga hari ini telah dipimpin oleh perunding daripada Suite 9000 Resources. Dengan wujudnya penambahan satu lagi sistem pengurusan ini, MPS dapat meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan yang lebih jelas gus dapat membudayakan amalan integriti kepada seluruh warga MPS.

## *KEMPEN DERMA DARAH ANJURAN ANULAE*

*18 MAC 2021*

**KEMPEN** Derma Darah anjuran ANULAE Cawangan MPS dan Pusat Darah Negara telah diadakan di Lobi Bangunan Lama, MPS. Seramai 88 orang kakitangan MPS telah berpeluang menderma darah bagi membantu pembekalan darah untuk tabung Pusat Darah Negara. Kempen ini diadakan bertujuan untuk merapatkan hubungan antara kakitangan MPS di samping meningkatkan kesedaran taraf kesihatan negara serta memberi pengetahuan yang lebih jelas tentang kebaikan menderma darah.



## PENYERAHAN KIT COVID-19 JKP ZON 5

20 MAC 2021

**BERSEMPENA** perasmian Pusat Khidmat Ahli Majlis Jawatankuasa Penduduk Zon 5 MPS telah diadakan satu serahan Kit Keselamatan COVID-19 kepada 9 surau dan 1 kuil di bawah JKP Zon 5 MPS. Kit ini merangkumi sanitasi tangan, pelindung muka dan pelitup muka .

Program disempurnakan oleh Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS bersama-sama Tuan A Rahim Ahmad Kasdi, Penyelaras DUN Gombak Setia.





## PROGRAM CABUTAN BERTUAH PERDANA KEMEN BAYAR, DAFTAR DAN MENANG CUKAI TAKSIRAN MPS 2021

27 MAC 2021

**TAHNIAH** diucapkan kepada 24 orang pemenang hadiah utama Cabutan Bertuah Perdana Kempen Daftar, Bayar dan Menang Cukai Taksiran MPS. Hadiah telah disampaikan oleh Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS bertempat di Lobi Menara MPS.

Pemenang hadiah utama cabutan bertuah ini iaitu Encik Pua Bing Teck telah membawa pulang sebuah kereta Perodua Axia. Selain itu, pemenang bertuah yang lain dapat membawa pulang motosikal Modenas Kriss serta barang elektrik berjenama.





# PROGRAM SELAYANG PRIHATIN

27 MAC 2021

**PELANCARAN** acara pelepasan Konvoi Program Selayang Prihatin bertempat di Dataran MPS merupakan kesinambungan daripada Program Bantuan Bekalan Makanan sempena Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0. Pasukan konvoi MPS telah mengagihkan bekalan makanan kepada 500 buah keluarga daripada kategori B40 yang berada di 7 DUN di bawah pentadbiran MPS. Pada majlis ini, Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS bersama-sama Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS telah melancarkan acara pelepasan melibatkan 12 kenderaan yang membawa bekalan keperluan makanan asas, dikeluarkan oleh Encik Affendi bin Samingan, Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat.



## *MAJLIS ANUGERAH REWARD YANG DIPERTUA MPS TAHUN 2020*

*29 MAC 2021*

**BAGI** menghargai sumbangan dan pencapaian cemerlang kakitangan MPS di pelbagai peringkat sepanjang tahun 2019, majlis makan tengah hari dan penyampaian Anugerah Reward Yang Dipertua MPS telah diadakan di Hotel Hilton, Kuala Lumpur. Turut hadir Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS, Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS, Ahli-ahli majlis dan para pengarah jabatan. Diharapkan anugerah yang diraih dapat menyuntik semangat untuk mengamalkan budaya kerja yang lebih baik.





## PERHIMPUNAN BULANAN DAN CERAMAH AMBANG RAMADAN 1443H

5 APRIL 2021

**SEMPENA** ketibaan bulan Ramadan, MPS telah mengadakan Majlis Perhimpunan Bulanan dan Ceramah Ambang Ramadan Peringkat MPS Tahun 2021. Majlis ilmu ini diadakan secara dalam talian menerusi Aplikasi ZOOM dan Facebook live MPS. Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS turut berkesempatan menyampaikan ucapan di majlis ini.

Ceramah Ambang Ramadan bersama-sama penceramah jemputan iaitu Al-Fadhil Ustaz Asyraf atau lebih dikenali sebagai Imam Muda Asyraf mengupas lebih lanjut tentang kebaikan-kebaikan bulan Ramadan.



## *SESI KUNJUNG HORMAT TIMBALAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PEMBANGUNAN) MERANGKAP PENGARAH UPEN SELANGOR KEPADA TUAN YANG DIPERTUA MPS*

9 APRIL 2021

*TUAN Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Nor, YDP MPS berbesar hati menerima kunjungan hormat Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Selangor, Tuan Dr. Nor Fuad bin Abdul Hamid. Pada sesi kunjungan tersebut, beliau yang juga merangkap Pengarah UPEN Selangor telah berkesempatan untuk mendengar pembentangan berkenaan cadangan dan hala tuju MPS bagi Rancangan Malaysia Ke-12 dan hala tuju yang bakal dilaksanakan oleh pihak MPS pada tahun 2030 menerusi Fisrt Selangor Plan. Turut hadir para pengarah jabatan MPS dan pegawai dari Pejabat SUK Selangor.*



## *ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2020*

*8 APRIL 2021*

**MAJLIS** Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) MPS 2020 bertempat di Setia Eco Templer, Rawang telah disempurnakan oleh YB Tuan Haji Borhan bin Aman Shah, EXCO Pembangunan Luar Bandar dan Kebudayaan Negeri Selangor mewakili YAB Dato' Menteri Besar Selangor. Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada 86 orang kakitangan MPS yang telah menerima APC MPS 2020. Kesemuanya menerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan Sijil Simpanan Premium BSN bernilai RM 1,000. MPS turut meraikan 19 orang pesara dan 2 orang penerima Anugerah Khidmat Lama, yang menerima sijil penghargaan dan juga Sijil Simpanan Premium BSN bernilai RM500 untuk pesara dan Sijil Simpanan Premium bernilai RM 2,000 untuk Anugerah Khidmat Lama.





Momen 26

# *ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2020 (KUMPULANA DAN B)*

8 APRIL 2021



*PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2020 (KUMPULAN C)*

8 APRIL 2021



## *PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2020 (KUMPULAN D)*

8 APRIL 2021



## LAWATAN TURUN PADANG BAZAR RAMADAN BANDAR BARU SELAYANG

14 APRIL 2021

**UNTUK** memastikan pemantauan SOP semasa PKPB dan juga pemeriksaan harga jualan,satu lawatan turun padang ke Bazar Ramadan BandarBaru Selayang telah diadakan pada 14 April 2022 . Turut serta pada lawatan turun padang ini adalah Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS bersama-sama Tuan Ahmad Zahiri bin Zahid Sofian, Ahli Majlis Zon 10 , wakil KPDNHEP Cawangan Gombak, da Pengarah Jabatan Pelesenan dan Jabatan Penguatkuasa & Keselamatan MPS.





## PROGRAM KONGSI RASA BUBUR LAMBUK

21 APRIL 2021

**PROGRAM** Kongsi Rasa Bubur Lambuk kepada komuniti telah diadakan di Pangsapuri Taman Selayang Mulia, Selayang yang merupakan salah satu program MPS bersama-sama komuniti strata bagi menyokong Dasar Komuniti Negara dan ia adalah program tahunan MPS sempena bulan Ramadan.

Program ini telah disempurnakan oleh Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohamad Noor, Tuan YDP MPS. Sebanyak 800 paket bubur lambuk telah diedarkan kepada penduduk-penduduk Pangsapuri Selayang Mulia Bandar Baru Selayang.

Program ini juga turut dihadiri oleh Tuan Haji Cheremi bin Haji Tarman, Tuan Timbalan YDP, Tuan U Chin Ong, Ahli Majlis Zon 12 dan pengarah pengarahan jabatan MPS serta ahli jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga (KRT).

## *SUMBANGAN RAYA OLEH ANULAE MPS*

*6 MEI 2021*

**SEMPENA** sambutan Hari Raya Aidilfitri, ANULAE Cawangan MPS telah menyediakan sumbangan Prihatin Ramadan berupa barang keperluan asas kepada 15 orang kakitangan yang kurang berkemampuan.

Semua kakitangan MPS turut menerima sumbangan hari raya berupa pek nasi impit dan juga air kordial. Majlis penyampaian telah disempurnakan oleh Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohamad Noor, YDP MPS bertempat di Lobi Bangunan Lama MPS.





## LAWATAN TYDP KE PASAR

10 MEI 2021

**BAGI** memastikan pengelola bazar Ramadan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan, Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS telah melakukan satu lawatan di Bazar Ramadan Selayang Utama dan Bazar Ramadan Prima Selayang.

Pada tinjauan tersebut, Tuan TYDP secara keseluruhannya berpuas hati dengan SOP yang dilaksanakan oleh pengelola bazar bagi memastikan rantaian COVID-19 tidak merebak. Pelaksanaan kad nombor giliran kepada pengunjung, mewujudkan laluan sehala di dalam bazar dan tidak membenarkan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun dan warga emas 65 tahun ke atas juga telah memudahkan urusan untuk masuk ke bazar Ramadan.

# *OPERASI PEMATUHAN SOP PKP DAN PEMERIKSAAN HARGA JUALAN OLEH KPDNHEP BERSAMA PDRM DAN MPS*

12 MEI 2021

**TINJAUAN** bagi Operasi PKP Bersepadu telah dijalankan oleh Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS bersama-sama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di 4 buah pasar moden di Selayang Baru, Taman Sri Gombak, Rawang dan Bandar Country Homes.

Operasi ini dijalankan bagi memantau kepatuhan para peniaga terhadap pematuhan SOP PKP serta pemeriksaan harga jualan ke atas barang kawalan sempena sambutan perayaan Aidilfitri. Turut hadir Tuan Deveandran A/L Selvaraju, Ahli Majlis Zon 7, Pengarah Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan, Jabatan Pelesenan dan Jabatan Pengurusan Harta dan Penilaian MPS.





## LAWATAN YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR KE PUSAT SARINGAN COVID

19 MEI 2021

**YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor bersama YB Dr. Siti Mariah binti Mahmud, EXCO Kerajaan Negeri Selangor melawat Pusat Saringan COVID-19 DUN Sungai Tua di Dewan MPS Sri Siantan, Sungai Tua. Hadir sama Tuan Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor, YDP MPS, Tuan Shukri bin Mohamad Hamin, Pegawai Daerah Gombak, Tuan A. Rahim bin Ahmad Kasdi, Setiausaha Politik Dato' Menteri Besar Kawasan DUN Sungai Tua dan Tuan Amir Fazlee bin Khalid, Ahli Majlis MPS.**



## MAJLIS MERAIKAN PERTUKARANTUAN YANG DIPERTUA MPS

21 MEI 2021

**TUAN Haji Shamsul Shahril Badliza bin Mohd Noor**, yang dilantik sebagai Setiausaha Bahagian Kanan (Mineral dan Geosains) telah diraikan dalam majlis khas bersama pihak Pengurusan dan Ahli Majlis. Mesyuarat yang berlangsung di Bilik Siantan, Bangunan Lama MPS ini bagi meraikan dan menghargai sumbangan beliau sebagai Yang Dipertua di MPS.

Sepanjang perkhidmatan di MPS, beliau telah berjaya membawa MPS ke tahap yang lebih efisien dan produktif di samping memberi motivasi dan pimpinan yang dinamik ke arah sistem penyampaian MPS yang terbaik. Pelbagai kejayaan yang telah dilakar oleh MPS hasil teraju beliau sebagai Yang Dipertua MPS ke-6. Selepas sesi ucapan dan penyampaian cenderahati, Tuan Yang Dipertua seterusnya melakukan thumbprint terakhir sebelum acara send-off oleh pihak pengurusan MPS.



## *OPERASI PEMATUHAN SOP PKP*

*10 JUN 2021*

**PEMERIKSAAN** sebanyak 91 premis dan 54 penjaja telah dilakukan oleh MPS di sekitar kawasan Rawang, Gombak, Kepong dan Selayang bagi mengesan aktiviti perniagaan tanpa kebenaran dan tidak mematuhi SOP PKP yang ditetapkan.

Terdapat premis perniagaan ingkar untuk mematuhi SOP yang ditetapkan selain dan penjaja yang tidak mempunyai permit penjaja berniaga sehingga menyebabkan halangan trafik dan persekitaran di kawasan tapak niaga menjadi kotor.

Tindakan penguatkuasaan telah diambil ke atas 9 premis yang telah dikenakan notis iaitu 2 di Selayang, 3 di Gombak dan 4 di Rawang serta 1 premis telah diarahkan untuk ditutup. Tindakan kompaun juga turut dikenakan iaitu 2 di Selayang, 7 di Gombak dan 2 di Rawang.





## SUMBANGAN BANTUAN OLEH AHLI MAJLIS ZON 12

14 JUN 2021

**TUAN Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Pemangku YDP MPS bersama-sama Tuan U Chin Ong, Ahli Majlis Zon 12 dan Encik Mohamad Zin bin Masoad, Pengarah Jabatan Korporat telah menyampaikan sumbangan kepada keluarga yang memerlukan di Taman Selayang Jaya, Batu Caves.**

*Sumbangan ini merupakan sebahagian daripada program sumbangan yang telah dilaksanakan oleh Tuan U Chin Ong di mana beliau telah menghulurkan bantuan kepada hampir 100 buah keluarga di sekitar Flat Taman Bidara, Taman Selayang Jaya, Selayang Utama dan Taman Seri Melati.*

## LAFAZ AKUAN TERIMA JAWATAN SEBAGAI YDP MPS

18 JUN 2021

**MAJLIS** Lafaz Akuan Terima Jawatan oleh Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman bersempena pelantikan beliau sebagai Pemangku Yang Dipertua MPS telah diadakan secara dalam talian. Diharapkan Majlis Perbandaran Selayang akan terus cemerlang di bawah kepimpinan Tuan Pemangku Yang Dipertua.





## BANTUAN PEK MAKANAN OLEH JKP ZON 14

19 JUN 2021

**PENYERAHAN** bantuan Pek Makanan kepada lebih 250 keluarga dan golongan yang memerlukan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah diadakan bertujuan untuk meringankan beban masyarakat yang terkesan tidak mengira agama dan bangsa ketika pandemik COVID- 19 melanda negara. Bantuan ini telah disampaikan oleh Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Pemangku YDP MPS, YB Chua Wei Kiat, ADN Rawang dan Tuan Haji Sulaiman Abu Samah, Ahli Majlis MPS Zon 14.



## PROGRAM BANTUAN BARANGAN ASAS JKP ZON 15

26 JUN 2021

**INISIATIF MPS** diteruskan lagi dengan penyerahan keperluan asas kepada 150 keluarga di sekitar Rawang dan yang terjejas sepanjang tempoh PKP 3.0. Bantuan ini telah disampaikan oleh Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Pemangku YDP MPS dan Tuan Haji Muhammad Najmi Samsudin, Ahli Majlis Zon 15 MPS di Dewan MPKK Kampung Melayu Pekan Rawang.



## *PROGRAM MESRA RAKYAT MPS JKP ZON 1,6,15 MPS*

12 JULAI 2021

*JKP Zon 1,6,15 MPS dengan kerjasama Pusat Khidmat Rakyat DUN Sungai Tua telah mengadakan sesi penyerahan sumbangan bakul makanan sempena Program Bantuan COVID-19 Selayangku Sayang. Penyerahan telah disampaikan oleh Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman ,Pemangku YDP MPS dan Tuan Amir Fadzlee bin Khalid, Ahli Majlis Zon 6 MPS kepada penduduk yang terkesan akibat wabak pandemik di sekitar kawasan zon tersebut.*

## *MAJLIS LAFAZ AKUAN TERIMA JAWATAN YANG DIPERTUA*

19 JULAI 2021

**MAJLIS** Lafaz Akuan Terima Jawatan oleh Tuan Mohd Yazid bin Sairi sempena pelantikan beliau sebagai Yang Dipertua MPS yang ke 7 pada 19 Julai 2021 telah diadakan secara dalam talian. Semoga MPS akan terus cemerlang di bawah kepimpinan Tuan Yang Dipertua.





## LAWATAN YDP KE PPV GAMUDA

27 JULAI 2021

*TUAN Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS telah melakukan lawatan ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Le Gardens Pavilion, Gamuda Gardens, Rawang bagi meninjau pengurusan pemberian vaksin oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Turut bersama-sama ke lawatan ini adalah Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS.*





# MAJLIS SERAH TUGAS DAN MAJLIS PERSARAAN TN HJ. AZMI BIN ISMAIL

28 JULAI 2021

**MAJLIS** meraikan persaraan Pengarah Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS, Lt.Kol (B) Tuan Haji Azmi bin Ismail telah diadakan di Bilik Siantan, Bangunan Lama MPS. Turut sama meraikan beliau ialah Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS dan Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS. MPS amat berterima kasih kepada Tuan Haji Azmi yang telah menabur bakti sepanjang berkhidmat di MPS dan mengucapkan selamat bersara kepada beliau.



## *SERAHAN BANTUAN BARANGAN KEPERLUAN ASAS OLEH HILLCREST GARDEN SDN. BHD.*

29 JULAI 2021

*MPS telah menerima sumbangan 500 pek barang keperluan asas dari Hillcrest Garden Sdn. Bhd. sempena Program Selayangku Sayang MPS.*

*Sumbangan ini kemudian telah disampaikan kepada mereka yang memerlukan oleh Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS.*





## **PROGRAM BANTUAN COVID-19 KEPADA HOSPITAL SELAYANG DAN PPV FRIM KEPONG**

**30 JULAI 2021**

**BERSEMPENA** program Bantuan COVID 19 Selayang, MPS telah mengedarkan bantuan makanan kering sumbangan Syarikat Sri Ternak kepada para petugas barisan hadapan di Unit Kecemasan Hospital Selayang dan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) FRIM, Kepong.

Penyerahan bantuan telah disampaikan oleh Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS kepada Dato' Dr. Mohamed Alwi bin Haji Abd Rahman, Ketua Jabatan Kecemasan, Hospital Selayang dan Dr. Fatin Dalila, wakil Penyelaras PPV FRIM Kepong.



## LAWATAN TURUN PADANG YANG DIPERTUA KE BATU ARANG

2 OGOS 2021

**TUAN Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS** telah melakukan lawatan tapak pelupusan sampah haram di kawasan lot tanah jalan pintas antara Jalan Batu Arang Jalan Pinggiran Lembah Hijau 1. Lawatan ini bertujuan untuk melihat kebakaran yang telah berlaku di lokasi tersebut. Walaubagaimanapun tindakan pantas pasukan Bomba dan Penyelamat dengan bantuan jentera dari MPS telah berjaya memadam kebakaran tersebut. MPS amat memandang serius perkara ini dan akan mengambil tindakan tegas kepada pihak yang terlibat dengan aktiviti pelupusan sampah haram.



## OPERASI HALANGAN DITASIK PUTERI

9 OGOS 2021

**OPERASI** sitaan terhadap 16 premis makanan di Medan Selera Bandar Tasik Puteri Rawang telah diadakan berikutan kesalahan meninggalkan barang-barang perniagaan di tempat awam hingga menyebabkan halangan serta kacau ganggu pengguna lain. Sebanyak 16 penjaja telah dikenakan tindakan sitaan terhadap barang mereka di bawah Seksyen 3 (Undang-Undang Kecil Penjaja) dan Seksyen 46 (1) d Akta Jalan, Parit dan Bangunan. Operasi ini melibatkan seramai 6 orang pegawai dan 30 orang anggota dari Jabatan Pengawas dan Keselamatan MPS.

## *PROGRAM BANTUAN COVID-19 FASA 2*

12 OGOS 2021

**SEKITAR** sesi penyerahan Fasa 2 bantuan makanan oleh JKP Zon 16 MPS kepada penduduk yang terkesan sepanjang tempoh PPN Fasa 1 bagi meringankan sedikit sebanyak beban yang mereka hadapi.

Penyerahan ini telah disempurnakan oleh YB Chua Wei Kiat, ADN Rawang dan Tuan Anmuniandy A/L Vellymalai, Ahli Majlis MPS Zon 16.





## MPS SERAH 20 UNIT KERUSI RODA

17 OGOS 2021

**SEBANYAK** 20 unit kerusi roda telah disumbangkan oleh MPS sebagai sokongan dan bantuan kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) . MPS berharap sumbangan ini dapat membantu keperluan kritikal Pejabat Kesihatan Daerah Gombak seterusnya memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Sesi penyerahan sumbangan ini telah disempurnakan oleh Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS bertempat di Klinik Kesihatan Rawang Perdana.

## LAWATAN TURUN PADANG YANG DIPERTUA KE BUKIT LAGONG

24 OGOS 2021

**TUAN** Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS bersama-sama pihak pengurusan telah melakukan sesi lawatan ke Taman Rimba Bukit Lagong. Ini merupakan lawatan kali pertama Tuan YDP untuk meninjau fasiliti rekreasi dan landskap yang terdapat di Taman Rimba Bukit Lagong. Lawatan turut disertai oleh Puan Sr. Norshima binti Norzlan, Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta dan Tuan LAr. Mokhtar Affandi bin Abdul Ghani, Pengarah Landskap.



# *PERHIMPUNAN BULANAN MPS DAN SAMBUTAN KEBANGSAAN*

*25 OGOS 2021*

*MAJLIS Perhimpunan Bulanan dan Sambutan Hari Kebangsaan Peringkat MPS Tahun 2021 telah diadakan secara dalam talian menerusi aplikasi ZOOM dan Facebook MPS.*

*Kemeriahkan majlis telah diserikan dengan ucapan oleh Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS, bacaan ikrar Rukun Negara, tayangan video klip akustik lagu patriotik dan nyanyian lagu `Jalur Gemilang` oleh seluruh warga kerja MPS.*



## SUMBANGAN TONG SAMPAH DARI KDEB

30 OGOS 2021

**SUMBANGAN** tong sampah jenis MGB 240 liter, MGB 660 liter dan Leach Bin telah diterima MPS daripada pihak KDEB Waste Management untuk Projek ANEW Pelestarian Sungai Tua.

Penyerahan ini disampaikan oleh Encik Mohd Fauzi bin Ibrahim, Ketua Operasi KDEBWM Cawangan Selayang kepada Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS. Turut hadir Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS, Tuan LAr. Mokhtar Affandi Abdul Ghani, Pengarah Jabatan Landskap selaku Pengarah Projek ANEW Pelestarian Sungai Tua dan Puan Norhayati Ahmad, Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan.

Kesemua tong sampah tersebut akan ditempatkan di sekitar kawasan projek ANEW Pelestarian Sungai Tua termasuk kawasan komersial, rumah strata dan di pusat-pusat pengumpulan sampah.







## MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SELANGOR 2021

8 SEPTEMBER 2021

**SESI semakan dokumentasi Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor Tahun 2021 (MPIPANS) telah yang berlangsung secara dalam talian. Tiga kumpulan dari MPS dapat melayakkan diri untuk bertanding pada kali ini iaitu Sihat MPS dari Jabatan Khidmat Pengurusan (Produk Medik 20), EZTouch dari Jabatan Pusat Setempat (Produk Sistem Meeting On Time dan Smart Scape dari Jabatan Landskap (Produk My Auger - Semua dalam satu).**



## KEMPEN DERMA DARAH

8 SEPTEMBER 2021

**ANULAE** cawangan MPS dengan kerjasama Pusat Darah Negara telah menganjurkan kempen derma darah di Lobi Bangunan Lama MPS. Syabas dan tahniah diucapkan atas penganjuran kempen dengan penyertaan oleh 87 orang penderma dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Terima kasih diucapkan kepada semua penderma dalam membantu memastikan bekalan darah sentiasa berada dalam paras selamat. Semoga usaha murni ini akan dapat diteruskan dari semasa ke semasa bagi membantu para pesakit yang memerlukan.

## *OPERASI PENJAJA SELAYANG JAYA*

*10 SEPTEMBER 2021*

*SATU serbuan ke sebuah kafe telah diadakan di Desa Aman Puri, Kepong. Operasi ini diketuai oleh Ahmad Faisal bin Badiuzaman, Pengarah Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan MPS serta 75 orang anggota, melibatkan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan 3 orang pegawai Pelesenan MPS.*

*Tindakan di bawah Undang-Undang Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MPS) 2007 dan Undang-Undang Kecil Establishment Makanan (MPS) 2007 telah diambil.*





## LAWATAN ANULAE KE PPV SETIA ECO TEMPLER

11 SEPTEMBER 2021

**DATO'** Haji Adnan bin Mat, Presiden CUEPACS merangkap Presiden ANULAE Semenanjung Malaysia telah melakukan lawatan ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Eco Setia, Templer untuk menyantuni petugas barisan hadapan dan menyampaikan sijil penghargaan kerana menjadi 'hero' ketika pandemik.

Turut hadir Encik Jamaludin bin Mat Dari, Presiden ANULAE Cawangan MPS dan Encik Mohamad Zin bin Masoad, Pengarah Jabatan Korporat.



## LAWATAN KE BILIK CCTV MBSA

15 SEPTEMBER 2021

**LAWATAN** Command Centre di Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) yang berkonsepkan angkasa dan dibangunkan secara ‘design and built’ telah diadakan oleh pihak MPS pada 15 September 2021. Ia terletak di Tingkat 27 Bangunan MBSA yang dilengkapi bilik operasi, bilik mesyuarat, pantri, ruang perbincangan/taklimat, bilik rehat, ruang galeri, surau, tandas, bilik persalinan. Turut hadir ke lawatan ini adalah Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS bersama-sama wakil dari Jabatan Perundangan, Perbendaharaan, Korporat, Kejuruteraan, Perancang Bandar dan Teknologi Maklumat.



## *PROGRAM JAWATANKUASA SIASATAN DAN PENDENGARAN (JKSTP) SERTA DRAF RANCANGAN TEMPATAN MPS 2030 (彭GGANTIAN)*

20 SEPTEMBER 2021

**MESYUARAT** Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran (JKSTP) bagi Draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Selayang 2030 (Penggantian) telah diadakan bertempat di Bilik Siantan, Bangunan Lama MPS bagi mendengar bantahan dan cadangan yang diterima sepanjang Program Publisiti dan Penyertaan Awam. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YB Tuan Ng Sze Han, EXCO Kerajaan Tempatan dan Pengangkutan Negeri Selangor bersama-sama YB Puan Rodziah binti Ismail, EXCO Pelancongan dan Alam Sekitar Negeri Selangor dan YB Tuan Hee Loy Sian, EXCO Perumahan, Kesejahteraan Bandar dan Pembangunan Usahawan Negeri Selangor.

Turut hadir Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS; Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS, Puan Azlina Abd Aziz, Pegawai Derah Gombak, Tuan TPr. Nazri dari PLAN Malaysia, Prof. TPr. Jamalullaili Abdullah, Puan TPr. Noriza Bahari, Pengarah Perancang Bandar MPS dan wakil daripada Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor.



## LAWATAN TURUN PADANG WALKABOUT

21 SEPTEMBER 2021

**PROGRAM** Walkabout dan penyerahan lesen perniagaan sementara di Kawasan Selayang Mutiara dan Selayang Indah telah disempurnakan oleh YB Tuan Ng Sze Han, EXCO Kerajaan Tempatan & Pengangkutan Awam Negeri Selangor bersama-sama YB Tuan Sany bin Hamzan, Ahli Dewan Taman Templer. Sebanyak 17 permit sementara telah diserahkan kepada penjaja-penjaja di kawasan tersebut. Ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk membantu peniaga baharu terutamanya yang hilang pendapatan akibat COVID-19.



# PENGAUDITAN OLEH MALAYSIA OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH AWARD

22 SEPTEMBER 2021

**JAWATANKUASA Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan MPS (OSH MPS)** telah menyertai secara dalam talian sesi pengauditan secara dalam talian bersama-sama pasukan audit dari Malaysian Occupational Safety and Health (MSOSH) sempena Audit MSOSH Occupational Safety and Health Award.

Sesi pengauditan ini bertujuan untuk menilai tahap pelaksanaan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di MPS. Pasukan audit MSOSH diketuai oleh Encik Abdul Manaf bin Ahmad dan telah berjalan lancar. Ulasan serta maklum balas yang baik telah diterima oleh pasukan audit MSOSH dan mengambil maklum terhadap teguran yang telah disampaikan.







## MAJLIS ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS) 2021

28 SEPTEMBER 2021

**KUMPULAN** Smart Scape dari Jabatan Landskap MPS telah membentangkan projek inovasi ‘My Auger-All In One’ pada penilaian akhir bagi Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) 2021 secara dalam talian. Pada pembentangan tersebut kumpulan ini telah mendapat maklum balas yang baik daripada juri dengan beberapa cadangan penambahbaikan produk.





## AUDIT DALAM MS ISO 9001:2015 MPS

28 SEPTEMBER 2021

**PASUKAN Audit Dalam ISO MPS** telah melaksanakan Kombinasi Audit Dalam ISO 9001 dan ISMS 27001 bermula 23 September hingga 6 Oktober 2021. Audit Dalam MS ISO 9001:2015 ini dilaksanakan melibatkan 46 prosedur dokumen Sistem Pengurusan Kualiti (SPK), 6 Prosedur Am termasuk Manual Kualiti dan 60 dokument pengurusan. Manakala bagi Audit Dalam ISO/IEC 27001:2013 dilaksanakan dengan bantuan perunding dari Nexagate Sdn. Bhd. dan hanya beberapa jabatan yang terlibat.



## KUNJUNG HORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI, MENTERI BESAR INCORPORATED DAN SMART SELANGOR DELIVERY KE MPS

1 OKTOBER 2021

**MPS** telah menerima kunjungan hormat daripada YB Dato' Haji Haris bin Kasim, Pegawai Kewangan Negeri (PWN) Selangor bersama-sama Encik Soffan Affendi bin Aminudin, Ketua Pegawai Operasi, Menteri Besar Incorporated (MBI) dan juga Dr. Mohammad Fahmi Ngah, Pengarah Urusan Smart Selangor Delivery (SSDU). Perjumpaan bersama Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS turut disertai Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS, YB Tuan Lau Weng San selaku Ahli Lembaga Pengarah SSDU dan para pengarah jabatan. Pihak SSDU telah memberikan taklimat perancangan bagi merealisasikan Smart Selangor dan Smart State menjelang tahun 2025. Kerajaan Negeri Selangor mensasarkan inisiatif bagi penstrukturkan digital, kerajaan pintar, ekonomi pintar dan komuniti pintar untuk manfaat kepada seluruh rakyat Selangor.

# *MPS SUMBANG KERUSI MEJA KE SEKOLAH SK DAMANSARA*

20 OKTOBER 2021

**SUMBANGAN** asset perabot oleh pihak MPS kepada Sekolah Kebangsaan Bandar Sri Damansara (3) telah disampaikan oleh Tuan Haji Az'har bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS kepada Puan Noor Sofiah binti Mohamed Ismail, Guru Besar SK Bandar Sri Damansara (3). Sumbangan ini bertujuan untuk memberikan lebih keselesaan kepada pihak pengurusan sekolah untuk memulakan kembali sesi persekolahan yang bakal tiba.





## SUMBANGAN PERABOT TERPAKAI KE PUSAT TAHFIZ

21 OKTOBER 2021

*TUAN Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS diiringi wakil daripada Jabatan Khidmat Pengurusan menyampaikan sumbangan hadiah sebanyak 150 aset perabot oleh pihak MPS kepada Pusat Tahfiz Al-Habbah & Pondok Al-Habbah Addiniyah Al Khalidiyah, Taman Jasa Utama, Batu Caves. Semoga sumbangan aset perabot ini dapat memberikan lebih keselesaan dan dapat menambah baik kemudahan di pusat tahfiz.*



## *JUALAN PRIHATIN RAKYAT NEGERI SELANGOR*

*26 OKTOBER 2021*

**PROGRAM** Jualan Prihatin Rakyat Negeri Selangor anjuran Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) telah diadakan di hadapan Bangunan Lama MPS.

Program jualan yang berkonsepkan trak makanan ini merupakan inisiatif PKPS dalam menggerakkan usaha untuk menjual barang makanan seperti buah-buahan, sayur-sayuran, hasil laut dan ternakan dengan harga yang berpatutan.





## *KUNJUNG HORMAT SURUHANJAYA PENCEGAH RASUAH MALAYSIA (SPRM) NEGERI SELANGOR KE MPS*

*12 NOVEMBER 2021*

**MPS** telah menerima kunjungan hormat dari Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor diketuai oleh Ybhg. Dato' Haji Alias bin Salim, Pengarah SPRM Negeri Selangor bersama-sama Tuan PKPS Abd Mutualib bin Abdul Samat selaku Pegawai Urus Setia SPRM Negeri Selangor. Perjumpaan bersama Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS ini turut disertai Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS dan Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan MPS. Pihak SPRM Negeri Selangor telah mengadakan perbincangan bersama MPS sambil bertukar pandangan tentang isu-isu berkaitan integriti penjawat awam dan sebagainya.

# *HARI BERTEMU PELANGGAN MPS SECARA MAYA*

*12 NOVEMBER 2021*

**PROGRAM** Hari Bertemu Pelanggan telah diadakan secara maya menggunakan pautan Zoom Meeting. Ini merupakan kali pertama program ini diadakan secara maya susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan kerajaan bagi mengekang penularan COVID-19. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada pelanggan mengemukakan pertanyaan, cadangan dan aduan kepada MPS. Program ini juga menjadi platform orang ramai untuk mengemukakan segala permasalahan berkaitan MPS secara terus kepada Tuan Yang Dipertua atau jabatan yang terlibat.





## *MESYUARAT YDP MPS BERSAMA AHLI PARLIMEN DAN AHLI DEWAN NEGERI (ADN)*

*115 NOVEMBER 2021*

**MESYUARAT YDP MPS** bersama-sama Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Negeri (ADN) Bil.2/2021 telah diadakan bertempat di Bilik Siantan, Bangunan Lama MPS. Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan tentang isu-isu pembangunan di kawasan Ahli Parlimen dan ADN yang terlibat.



## PROGRAM CERIA KEMBALI KE SEKOLAH 2021

17 NOVEMBER 2021

**MAJLIS** Penyampaian Sumbangan Baucar Persekolahan kepada 259 orang pelajar sempena Program Ceria Kembali ke Sekolah Peringkat MPS 2021 telah diadakan di Dewan Keraian, Menara MPS dan secara dalam talian menerusi live Facebook. Majlis perasmian dan penyampaian sumbangan telah disempurnakan oleh Encik Mohamad Zin bin Masoad, Pengarah Jabatan Korporat mewakili Tuan YDP MPS. Seramai 7 orang wakil sekolah sekitar MPS telah hadir menerima sumbangan mewakili pelajar-pelajar yang terpilih. Hadir sama Encik Sulaiman Bukhari Haji Amir selaku wakil dari Pejabat Pendidikan Daerah Gombak.




# *MPS SERTAI PERSIDANGAN PERNIAGAAN ANTARABANGSA SELANGOR 2021*

*18 NOVEMBER 2021*

**YAM Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Raja Muda Selangor berkenan merasmikan Persidangan Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) 2021. MPS juga turut menyertai SIBS yang telah berlangsung selama 4 hari di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).**

Reruai MPS telah mempamerkan informasi-informasi berkaitan pembangunan dan kawasan industri yang ditawarkan serta industri pelancongan di kawasan pentadbiran MPS.

MPS juga turut menyertai pameran berkaitan Inovasi dengan menampilkan projek (My Auger All In One) oleh Kumpulan Smart Scape daripada Jabatan Landskap.





# *PERHIMPUNAN BULANAN NOVEMBER*

*19 NOVEMBER 2021*

**PERHIMPUNAN** bulan November MPS telah diadakan secara hibrid merangkumi beberapa pengisian acara, antaranya penyerahan surat pertukaran jabatan kepada 12 orang pegawai Kumpulan A. Turut diadakan sesi penyampaian hadiah bagi Program Gaya Hidup Sihat MPS 2021 dan Pertandingan Battle of Nasheedian MPS 2021. Acara-acara tersebut telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS.



# NAIB JOHAN I KATEGORI SEKTOR AWAM (PIHAK BERKUSA TEMPATAN)

KUMPULAN  
MAJLIS PENGETAHUAN  
PRODUK  
SMART SCAPE -

IN ON



## ANUGERAH INOVASI SEKTOR AWAM DI KLCC

22 NOVEMBER 2021

**SEKALUNG** tahniah dan syabas diucapkan kepada kumpulan Smart Scape dari Jabatan Landskap MPS diatas kejayaan meraih Naib Johan Anugerah Inovasi Selangor 2021 kategori Sektor Awam (PBT) menerusi penghasilan produk inovasi mereka iaitu ‘My Auger - All in One’. Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS bersama kumpulan Smart Scape telah menerima sijil serta hadiah kemenangan berjumlah RM2,500 yang telah disampaikan oleh YB Dato’ Teng Chang Kim, Pengurus Tetap Industri dan Perdagangan Negeri Selangor pada Majlis Penutup Selangor R&D and Innovation Expo sempena Persidangan (SIBS) 2021 bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).







## PEMANTAUAN ISO 9001 : 2015 DAN ISO/IEC 27001 : 2013

22 NOVEMBER 2021

PASUKAN Audit daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. telah hadir pada 22 hingga 24 November 2021 bagi Audit Pemantauan ISO 9001:2015 dan ISO/IEC 27001:2013 untuk menilai dan memantau pelaksanaan bagi dua sistem pengurusan yang ada di MPS iaitu, Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) dan juga Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (SPKM). Seramai enam orang auditor SIRIM telah hadir membuat pengauditan tersebut dan Tuan Mohd Yazid Bin Sairi, YDP MPS telah mempergesurikan Mesyuarat Penutup Kombinasi Audit Pemantauan SIRIM.

## *PROGRAM MASIH ADA YANG SAYANG*

24 NOVEMBER 2021



**PELEPASAN** Konvoi Serahan Sumbangan sempena Program Masih Ada Yang Sayang Tahun 2021 telah diadakan di Pekarangan Lobi Menara MPS melibatkan 7 buah kenderaan jabatan dan diketuai oleh Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS bersama Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS. Pelepasan telah disempurnakan oleh Tuan Haji Azhar bin Samsuri, Penolong Setiausaha MPS bersama Encik Mohd Mohamad Zin bin Masoad, Pengarah Jabatan Korporat MPS.

Menerusi program ini, MPS telah menyerahkan sumbangan wang tunai berjumlah RM1,500 dan barang keperluan kepada setiap 10 buah pusat jagaan dan rumah anak yatim, warga emas serta OKU di 9 DUN di bawah pentadbiran MPS.

Tuan YDP, Tuan TYDP bersama Ahli Majlis Zon 7 MPS diiringi Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat telah membuat serahan sumbangan kepada Encik Henry Sandanam, Pengasas dan Pengerusi Pertubuhan Perkhidmatan Sosial dan Pembangunan Komuniti Daerah Gombak, Batu Caves. Pada masa yang sama, Ahli-ahli Majlis kawasan bersama kakitangan MPS menyerahkan sumbangan kepada 9 buah pusat jagaan yang lain.

## *TURUN PADANG BERSAMA YANG DIPERTUA*

*24 NOVEMBER 2021*

**TUAN** Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS dan Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS melakukan sesi turun padang bersama-sama Jabatan Perancang Bandar MPS ke kawasan Bandar Baru Selayang Fasa 2C bertujuan untuk meninjau Tapak Dewan Komuniti dan Pusat Warga Emas yang bakal dibina di kawasan tersebut.

Turut hadir Puan TPr. Noriza binti Bahari, Pengarah Perancang Bandar dan Encik Mohamad Zin bin Masoad, Pengarah Korporat.





## MPS RANGKUL MSHOH AWARD 2021

25 NOVEMBER 2021

*MPS merakamkan satu lagi kejayaan menerusi penerimaan anugerah MSOSH OSH Gold Class 2 Award Winner 2021. Anugerah ini disampaikan di atas kecemerlangan MPS dalam pengauditan program MSOSH OSH Award 2021 yang dianjurkan oleh Malaysian Society For Occupational Safety And Health (MSOSH). Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS telah hadir mewakili MPS untuk menerima anugerah ini di Hotel Majestic Kuala Lumpur.*

# PERTANDINGAN TANDAS BERSIH KATEGORI PREMIS MAKANAN

30 NOVEMBER 2021

**TAHANIAH** diucapkan kepada pemenang Pertandingan Tandas Bersih Kategori Premis Makanan (Restoran) 2021 anjuran Majlis Perbandaran Selayang. Pada pertandingan ini, Restoran Kari Kepala Ikan SG Taman Sri Gombak telah mendapat tempat pertama dengan meraih hadiah wang tunai berjumlah RM1,000 beserta sijil penghargaan dan hamper iringan. Tempat kedua dimenangi oleh Restoran Veggie Century 12, Taman Selayang Jaya dengan hadiah wang tunai RM700, manakala tempat ketiga dimenangi oleh GH Corner Bandar Country Homes dengan hadiah wang tunai RM500. Selain itu, 8 premis makanan lain yang turut bertanding juga menerima sijil penghargaan dan hamper iringan.

Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS bertempat di Lobi Bangunan Lama MPS. Semoga dengan penganjuran pertandingan ini akan dapat mewujudkan amalan kebersihan tandas yang lebih beridentiti, bersih, wangi dan ceria demi menjaga imej premis perniagaan di sekitar pentadbiran MPS.





## KUNJUNG HORMAT KEDB

1 DISEMBER 2021

SATU kunjungan hormat dari KDEB Waste Management Sdn. Bhd. yang diketuai oleh Tuan Haji Ramli bin Mohd Tahir, Pengarah Urusan KDEB Waste Management Sdn Bhd bersama-sama delegasi KDEB Waste Management Sdn. Bhd. telah diadakan di Bilik Anggerik, Menara MPS.

Pada perjumpaan ini, kedua-dua pihak telah berbincang sambil bertukar pandangan tentang kutipan sisa pepejal dan isu-isu berkaitan di seluruh kawasan pentadbiran MPS.

Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS bersama-sama KDEB Waste Management Sdn. Bhd. turut meninjau tapak program pengindah kawasan hotspot pembuangan sampah yang telah menggunakan ayar-tayar terbuang untuk dijadikan landskap kejur bagi menghalang aktiviti lambakan sampah di kawasan Taman Jasa Utama, Gombak dan Bandar Country Homes, Rawang.

## *GUOCOLAND SANTUNI MPS*

*3 DISEMBER 2021*

**GUOCOLAND** Malaysia Berhad menyantuni MPS dan diketuai oleh En Lee Wee Kee, Pengarah Eksekutif Guocoland Malaysia Berhad bersama Encik Ong Chin Hong, Pengurus Besar Guocoland Malaysia Berhad dan Encik Eizaq Hassany Hamidun, Pengurus Kanan Guocoland Malaysia Berhad.

Perjumpaan bersama Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS turut disertai para pengarah dari Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Bangunan dan Jabatan Korporat.

Pihak Guocoland Malaysia Berhad telah mengadakan perbincangan bersama MPS sambil bertukar pandangan tentang projek pembangunan di kawasan pentadbiran MPS.



# HARI INOVASI DAN INTEGRITI MPS 2021

13 DISEMBER 2021

**SAMBUTAN** Hari Inovasi dan Integriti MPS 2021 telah diadakan bagi menyemarakkan budaya inovasi dan pengamalan nilai integriti dalam kalangan kakitangan MPS. Majlis sambutan ini diadakan bersekali dengan Perhimpunan Bulan Disember 2021 secara hibrid iaitu dengan kehadiran fizikal yang terhad di Bilik Keraian, Menara MPS. Majlis ini disiarkan secara dalam talian menerusi aplikasi ZOOM dan Facebook live MPS. Perasmian telah disempurnakan oleh Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, Tuan TYDP MPS mewakili Tuan YDP MPS. Turut hadir YBhg. Dato' Haji Adnan bin Mat, Presiden CEUPACS merangkap Presiden ANULAE Semenanjung Malaysia dan para pengarah jabatan. Beberapa acara telah diadakan pada majlis ini, antaranya bacaan ikrar perkhidmatan awam, penyampaian Anugerah Reward YDP MPS 2020 dan pengiktirafan pencapaian sepanjang tahun 2021.

Bagi merangsang pemikiran yang kreatif dan menerapkan nilai integriti yang ampuh, sambutan Hari Inovasi dan Integriti MPS 2021 ini turut disusuli dengan pelbagai pengisian, antaranya Sesi Penjawat Awam bersama Presiden CEUPACS, Ceramah Pencegahan Jenayah Jalanan oleh Encik Shamir A/L Rajadurai, Pakar Pencegahan Jenayah dari International CPTED Association Malaysia serta Ceramah Motivasi dan Integriti bersama YBhg. Dato' Abdul Rashid bin Rahman, Bekas Pesuruhjaya Polis Negeri Sabah.















## *PROGRAM GOTONG ROYONG PERDANA EKSA*

*14 DISEMBER 2021*

**PROGRAM** Gotong-Royong Perdana EKSA 2021 telah dirasmikan oleh Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS di Laman MPS disertai oleh para pengarah jabatan dan juga wakil-wakil dari 11 Zon EKSA MPS. Tuan YDP MPS telah menyampaikan hadiah bagi pertandingan-pertandingan yang dianjurkan sempena Program EKSA 2021. Antaranya, Pertandingan TikTok EKSA MPS dimenangi oleh Puan Zanariah bin Mohd Zain (Zon Zamrud), Pertandingan Bilik Fail Zon Terbaik dimenangi oleh Zon Berlian, Pantri Zon Terbaik dimenangi oleh Zon Zamrud, Bilik Mesyuarat Zon Terbaik dimenangi oleh Zon Jed dan Sudut Go Green Zon Terbaik dimenangi oleh Zon Nilam.

Tuan YDP MPS turut mananam pokok dengan menggunakan mesin ‘Auger All In-One’ dan juga membuat tinjauan di sekitar Ibu Pejabat MPS. Selain itu, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan MPS turut mengambil peluang membuka Kaunter Jualan Barang Kitar Semula di pekarangan MPS.









# GOTONG ROYONG PENGURUSAN MPS

18 DISEMBER 2021

**PROGRAM** Gotong-Royong MPS bersama-sama pihak komuniti telah diadakan di Taman Ekstrem Gua Damai, Wira Damai Batu Caves. Ini merupakan langkah untuk mengeratkan hubungan di antara MPS dengan wakil-wakil komuniti di samping menceriakan kawasan persekitaran Taman Ekstrem Gua Damai. Kawasan ini merupakan antara lokasi pelancongan bertaraf antarabangsa yang terdapat di kawasan pentadbiran Selayang.

Hadir sama Tuan Mohd Yazid bin Sairi, YDP MPS; Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS; Tuan Amir Fazlee bin Khalid, Ahli Majlis MPS Zon 6; para pengarah dan timbalan pengarah jabatan MPS bersama-sama pihak komuniti antaranya JKP Zon 6, MPKK Wira Damai, PKTGP, Pusat Khidmat Rakyat DUN Sungai Tua dan Jawatankuasa Masjid Annur Wira Damai. Turut menjayakan program ini adalah wakil daripada KSDK MPS, MBJ dan ANULAE MPS.



## *MISI BANTUAN BANJIR DI MBSA*

*20-21 DISEMBER 2021*

**SERAMAI** 82 orang sukarelawan dan 13 buah jentera pelbagai jenis dihantar oleh pihak MPS dihantar bagi membantu pihak Majlis Bandaraya Shah Alam melaksanakan kerja pembersihan di kawasan sekitar Seksyen 19, Shah Alam yang terjejas akibat banjir.

MPS berharap bantuan kecil ini sedikit sebanyak dapat membantu mangsa yang terjejas akibat bencana banjir yang melanda.








# *TIMBALAN YANG DIPERTUA TURUN PADANG ISU BANJIR DI SHAH ALAM DAN KUANG*

22 DISEMBER 2021

**LAWATAN** turun padang oleh Tuan Ir. Haji Cheremi bin Haji Tarman, TYDP MPS ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di dua lokasi iaitu Dewan MPS Kundang dan Dewan Komuniti, Kampung Permata. Turut serta ialah YB William Leong Jee Keen, Ahli Parlimen Selayang dan Puan Salasiah binti Disa, Penyelaras DUN Kuang. Turun padang ini bertujuan untuk memastikan kebajikan dan bantuan mangsa banjir di samping melihat kerja-kerja pembersihan rumah mangsa yang turut dibantu oleh skuad PANTAS MPS.







## *MISI BANTUAN BANJIR MBSJ*

*23 DISEMBER 2021*

**MISI** bantuan kerja pembersihan pasca banjir MPS diteruskan di Kampung Lanchong, Subang Jaya. Seramai 103 orang sukarelawan MPS bersama-sama pihak Majlis Bandaraya Subang Jaya meneruskan kerja-kerja pembersihan di kediaman yang terkesan akibat banjir di Lorong Haruan 1 dan 2, Kampung Lanchong.

MPS turut menghantar 22 buah jentera pelbagai yang terdiri daripada sebuah lori tangki air pembersihan, sebuah lori 5 tan, 3 buah lori roro, 2 buah lori tunda, 3 buah van dan 12 buah kendaraan pacuan 4 roda bagi membantu kerja-kerja pembersihan.



## *MB SELANGOR TINJAU INSIDENTANAH RUNTUH DI PANGSAPURI TERATAI BANDAR BARU SELAYANG*

*30 DISEMBER 2021*

**YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor** melakukan lawatan turun padang ke Pangsguri Teratai, Bandar Baru Selayang bagi meninjau insiden tanah runtuh di tebing berhampiran akibat hujan lebat. Berikut bencana luar jangka ini, sebanyak 38 keluarga yang menghuni pangsguri tersebut telah diarah berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS). Susulan kejadian, MPS juga telah mengambil tindakan meletakkan kanvas di tebing bagi mengelakkan situasi bertambah buruk. Turut hadir YB Tuan William Leong Jee Keen, Ahli Parlimen Selayang, YB Tuan Mohd Sany bin Hamzan, ADN Taman Templer, Tuan Yazid bin Sairi, YDP MPS dan bersama agensi kerajaan yang berkaitan.












The background of the entire page is a dark, out-of-focus photograph of red flowers, likely Ixora, with some green leaves visible.

## MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

T 603-6126 5800 F 603-6138 8933 W [www.mps.gov.my](http://www.mps.gov.my) E [aduanmps@mps.gov.my](mailto:aduanmps@mps.gov.my) TF 1-800-222-677

f [facebook.com/majlisperbandaranselayang](https://facebook.com/majlisperbandaranselayang) t [twitter.com/mpselayang](https://twitter.com/mpselayang) o [www.flickr.com/photos/selayangcitycouncil](https://www.flickr.com/photos/selayangcitycouncil)